

18/06/2004

Sambutan Hari Kebangsaan di Kuantan lebih meriah

PUTRAJAYA: Sambutan Hari Kebangsaan ke-47 di Kuantan, Pahang pada 31 Ogos ini dijangka lebih besar dan meriah berbanding sambutan terdahulu termasuk di Putrajaya tahun lalu.

Menteri Penerangan, Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir yang juga Pengerusi Jawatankuasa Kebangsaan Perayaan Bulan Kemerdekaan, berkata ini bertujuan menangkis anggapan sesetengah pihaknya sambutan di luar ibu negara kurang meriah.

Sehubungan itu, penganjur menyusun program menarik termasuk sambutan Ambang Merdeka pada 30 Ogos juga di Kuantan.

"Ini bagi membuktikan perayaan di luar (ibu negara)... tidak semestinya lebih kecil. Kita mahu supaya ia lebih besar daripada tahun lalu," katanya pada sidang media selepas mempengerusikan mesyuarat itu di Jabatan Perdana Menteri di sini, semalam.

Tema sambutan kali ini masih menggunakan tema tahun lalu iaitu `KeranaMu Malaysia.

Abdul Kadir berkata, perarakan pada hari kebangsaan tahun ini yang bertemakan `Kejayaan Dalam Sektor Pertanian', akan menampilkan kejayaan yang dicapai dalam sektor berkenaan, iaitu sektor ekonomi ketiga terpenting negara.

Tahun lalu, perarakan hari kebangsaan menggambarkan kejayaan negara sepanjang 22 tahun pemerintahan Tun Dr Mahathir Mohamad menjadi Perdana

Menteri. Pada 2001, perarakan sambutan menampilkan kejayaan negara dalam bidang industri manakala pada 2002, industri pelancongan.

"Setiap tahun kita akan menggambarkan kejayaan yang dicapai oleh rakyat dan negara," katanya.

Beliau berkata, sempena sambutan Bulan Kemerdekaan akan diadakan selama sebulan bermula 17 Ogos hingga 16 September.

(END)